

KAEDAH Active Learning adalah satu pendekatan yang perlu dipraktikkan dalam konsep pembelajaran dalam usaha meningkatkan lagi kualiti dan pencapaian bidang pendidikan di negara kita. Menyedari hakikat itu, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) melalui Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (PPP) julung kalinya menganjurkan National Conference on Active Learning (NCAL 2011) pada 10 dan 11 Disember lalu. Ikuti wawancara wartawan *Varsiti*, Nas Norziela Nasbah bersama Pengarah PPP UTeM, Dr Syed Najmuddin Syed Hassan mengenai program itu.

# NCAL 2011 tingkatkan kaedah pembelajaran aktif

**S Boleh Dr Syed ceritakan sedikit mengenai NCAL 2011?**

J NCAL 2011 ialah persidangan yang dianjurkan julung kali oleh UTeM melalui PPP di Kampus Bandaraya institusi ini. Seramai 180 peserta dan pembentang terdiri daripada pensyarah serta jawatankuasa berkumpul di sini bagi merealisasikan matlamat UTeM untuk melaksanakan pengalaman pembelajaran yang unik dan pembelajaran berasaskan hasil (OBE). Menariknya, UTeM turut menjemput penyertaan pembentang daripada universiti luar iaitu Dekan Pendidikan Guru Nanyang Teknologi Universiti (NTU) Singapura, Prof Tan Oon Seng untuk berkongsi sistem pengajaran di luar negara bersama pensyarah tempatan.

Antara program yang dijalankan sepanjang dua hari itu ialah ucaptama daripada tiga pembentang utama iaitu Prof Tan Oon, Pengerusi Majlis Ketua Penyelaras e-Pembelajaran institusi pengajian tinggi awam (IPTA) Malaysia (MEIPTA) yang juga pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Mohamed Amin Embi dan Timbalan Dekan (Akademik) Fakulti Teknologi dan Komunikasi Maklumat UTeM, Prof Madya Dr Faaizah Shahbodin.

Selain itu beberapa sesi bengkel dan pembentangan kertas cadangan yang diharap memberi manfaat kepada peserta terutama dalam sistem pengajaran dalam melahirkan graduan berkualiti pada masa depan.

**S Apakah objektif utama NCAL 2011 ini dianjurkan?**

J Persidangan ini dianjurkan bagi berkongsi jawapan dan pandangan kepada persoalan yang timbul dalam bidang keilmuan; khusus dalam bidang pembelajaran aktif. Sejajar dengan temanya *'Active Learning Strategies: Transformational in Education Innovative'*, NCAL 2011 membincangkan pelbagai topik yang merangkumi aspek pengajaran dan pembelajaran termasuklah pembelajaran aktif (active learning), pedagogi, reka bentuk (design), penyampaian (delivery), pentafsiran dan penilaian (assessment and evaluation), pendidikan berdasarkan hasil (outcome based education), e-learning, Student Centered Learning (SCL) dan Problem Based Learning (PBL).

Fokus utama dalam penganjuran NCAL 2011 ini ialah untuk menggalakkan inovasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran di UTeM yang berlandaskan kepada inisiatif strategik.

**S Adakah hanya golongan pensyarah yang disasarkan untuk menyertai NCAL 2011?**

J Golongan sasaran yang menyertai NCAL 2011 tidak tertumpu kepada golongan pensyarah saja. Untuk pertama kali dianjurkan, pihak PPP melalui UTeM berbangga dengan penyertaan daripada beberapa ahli akademik, penyelidik, pegawai kerajaan dan badan berkanun. NCAL 2011 turut menerima penyertaan daripada usahawan industri pendidikan selain pengamal industri dan graduan cemerlang. Menjemput mereka sebagai peserta adalah satu daripada objektif utama kami dalam memastikan mutu pengajaran dan pembelajaran di negara ini mempunyai kualiti yang baik di samping melahirkan lebih ramai golongan pendidik terbaik.

**S Difahamkan bagi NCAL 2011, UTeM membentangkan sebanyak 32 kertas cadangan. Adakah ia relevan dengan NCAL 2011 memandangkan kaedah Active Learning sememangnya diguna pakai sejak dulu lagi?**

J Bidang pendidikan terutama dalam pengajaran dan pelajaran sentiasa meningkat dari masa ke semasa. Peralihan subjek dan permintaan pelajar yang sentiasa berubah mendorong pensyarah untuk sentiasa bersedia serta meningkatkan mutu pengajaran masing-masing.

Sebanyak 32 kertas kerja dibentangkan dan merupakan satu pencapaian yang harus dibanggakan dalam usaha penganjur untuk memantapkan lagi sistem penyampaian akademik di universiti ini. Pastinya ini menyumbang kepada keberhasilan penganjuran persidangan lain yang bakal mengambil tempat dalam tempoh mendatang.

Kertas kerja yang terpilih mutu persembahannya akan dimasukkan ke dalam dua jurnal iaitu *Malaysian Journal of Educational Technology (M.Jet)* dan *Asean Journal of Teaching & Learning in Higher Education.*

**S Harapan Dr Syed mengenai NCAL pada masa depan?**

J Alhamdulillah dengan berakhirnya NCAL 2011 pada 10 dan 11 Disember lalu, pihak PPP menerima maklum balas yang begitu baik daripada pelbagai pihak.

Dengan itu, NCAL ini akan diteruskan sebagai persidangan tahunan oleh UTeM dalam memastikan objektif utama NCAL dapat ditingkatkan lagi pada masa depan. Selain itu, pihak penganjur bercadang menjemput lebih ramai pembentang kertas kerja selain peserta dari seluruh dunia bagi berkongsi cara pembelajaran terbaik untuk melahirkan graduan berkualiti sekali gus dapat membantu kejayaan negara masing-masing tidak kira dalam apa bidang pun. Jika tahun ini kami hanya menjalankan program selama dua hari, siapa tahu selepas ini dapat dijalankan lebih daripada dua hari dengan input yang lebih menarik yang berasaskan kepada sistem pengajaran pensyarah terutama IPTA dan institusi pengajian tinggi swasta seluruh negara.

Pihak UTeM menjanjikan penganjuran terbaik dan mampu memberi impak besar dalam kaedah pembelajaran secara aktif ini dalam sektor pendidikan negara kita di peringkat nasional.



SEBAHAGIAN daripada peserta NCAL 2011 yang merupakan pensyarah di universiti tempatan terpilih.



PESERTA khusyuk mendengar pembentangan kertas kerja.